

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA
KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA**

SEMPENA:

**LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA
KE
ADTEC JTM KAMPUS MERSING**

5 NOVEMBER 2025 (RABU)

SALUTASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis.

1. **Yang Berusaha Ts. Ismail bin Sukeeman**
Pengarah ADTEC JTM Kampus Mersing
2. **Yang Dihormati Ts. Lailaton Azwa binti Waid**
Timbalan Pengarah (Latihan)
3. **Yang Dihormati Ts. Huzaiifah binti Hasan**
Timbalan Pengarah (Operasi)
4. Barisan pengurusan ADTEC JTM Kampus Mersing
5. Seterusnya kakitangan dan warga ADTEC JTM Kampus Mersing yang saya kasihi sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Pendahuluan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama pada hari ini bagi menyempurnakan **Majlis Lawatan Kerja Ketua Pengarah JTM ke ADTEC JTM Kampus Mersing.**

Hari ini sangat istimewa bagi saya, kerana ini adalah lawatan kerja pertama saya ke ADTEC JTM Kampus Mersing sebagai Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia. Dan saya mesti katakan, dari saat saya tiba tadi, saya dapat rasa *energy* yang luar biasa daripada warga ADTEC JTM Kampus Mersing. Tahniah dan terima kasih atas sambutan yang begitu hangat!

Saya datang ke sini bukan sekadar untuk melihat bangunan atau laporan, tetapi untuk melihat wajah-wajah sebenar di sebalik kejayaan ADTEC JTM Kampus Mersing. Di sinilah terdapat para pengajar yang berdedikasi, staf yang komited serta pelajar-pelajar yang menjadi harapan masa depan negara.

Saya ingin mendengar sendiri cerita, pandangan dan aspirasi tuan-tuan dan puan-puan, kerana di sinilah lahirnya generasi tenaga mahir yang akan menggerakkan pembangunan industri dan ekonomi Malaysia.

2. Kerjasama Industri

Saya difahamkan hari ini kita akan menyaksikan demonstrasi mesin kimpalan berteknologi tinggi yang dikenali sebagai Saturnax01. Sumbangan mesin yang berteknologi tinggi daripada sebuah syarikat antarabangsa iaitu Serimax Welding Services Malaysia Sdn. Bhd. merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan.

Kehadiran mesin berteknologi tinggi seperti ini membuktikan bahawa ADTEC JTM Kampus Mersing bukan sekadar pusat latihan TVET biasa, tetapi merupakan pusat latihan bertaraf tinggi seiring dengan keperluan industri semasa. Inilah contoh sebenar bagaimana ADTEC di bawah JTM sentiasa ke hadapan dalam menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 dan perkembangan teknologi global.

3. Penglibatan Program Antarabangsa

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Satu aturcara yang merupakan detik penting dan bersejarah pada hari ini adalah Majlis Peluncuran Penyerahan Bendera **2025 FAI World Drone Soccer Championship (WDSC)**. Peserta dari ADTEC JTM Kampus Mersing, Kemaman dan Sandakan telah terpilih membentuk satu pasukan Dron yang mewakili Jabatan Tenaga Manusia ke Shanghai, China.

Saya amat berbangga dengan pasukan daripada 3 Kampus ADTEC JTM ini yang bakal membawa nama Malaysia ke pentas antarabangsa.

Pesanan saya, apabila anda ke Shanghai nanti, anda bukan sekadar membawa bendera Malaysia. Anda sebenarnya juga membawa semangat seluruh warga ADTEC dan JTM. Tunjukkan kepada dunia bahawa anak Malaysia mampu bersaing, berdisiplin dan berwawasan

4. Harapan Masa Depan

Kepada seluruh tenaga pengajar dan kakitangan ADTEC JTM Kampus Mersing, teruskanlah dedikasi dan komitmen yang telah ditunjukkan. Tuan-tuan dan puan-puan adalah tulang belakang yang membentuk tenaga kerja masa depan negara. Setiap pelajar yang berjaya, setiap inovasi yang tercipta, semuanya bermula daripada bimbingan, kesabaran dan iltizam tuan-tuan dan puan-puan.

Dan kepada para pelajar, ingatlah bahawa kemahiran yang anda pelajari di sini adalah bekalan dan senjata untuk masa hadapan anda. Kuasailah ilmu, mantapkan disiplin, dan jangan takut untuk berfikir di luar kotak. Dunia industri kini berubah dengan sangat pantas dan Malaysia memerlukan anda sebagai tenaga mahir yang bijak, kreatif dan berintegriti.

5. Penutup

Sebelum saya akhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga ADTEC JTM Kampus Mersing atas komitmen dan kecemerlangan anda semua.

Saya yakin, dengan semangat, iltizam dan budaya kerja cemerlang yang saya saksikan pada hari ini, ADTEC JTM Kampus Mersing akan terus menjadi contoh terbaik kepada semua ADTEC di bawah Jabatan Tenaga Manusia.

Teruskan melangkah ke hadapan dengan ilmu, dengan semangat, dan dengan hati yang besar — kerana di sinilah lahirnya tenaga mahir yang akan memacu masa depan negara.

Sebelum itu, terimalah serangkap pantun daripada saya.

Kerja berpasukan, langkah seiring,
Bersama kita, tiada yang sukar, Rezeki
melimpah, bahagia beriring,
Berkongsi harapan, impian yang besar.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.